

UMS anjur Program Pengurusan Acara Karnival dan Jualan

Oleh Yap Siong Han

UB 22.09.2021 P. 04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) menganjurkan Program Pengurusan Acara Karnival serta Jualan baru-baru ini.

Pengarah PKPKP UMS, Dr. Soon Singh Bikar Singh, berkata penganjuran program itu diadakan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

“Program yang berlangsung secara dalam talian ini menerima seramai 50 penyertaan terdiri daripada graduan lepasan ijazah sarjana muda pelbagai bidang.

“Penganjurannya antara lain bertujuan meningkatkan taraf hidup para peserta, mewujudkan tenaga kerja teknikal yang mahir serta proaktif, serta mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja buruh asing.

“Di samping itu, ia bagi mengurangkan kadar pengangguran serta gejala sosial yang kurang sihat dalam kalangan masyarakat,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurut Soon, program berkenaan yang berlangsung selama sebulan sehingga penghujung Ogos lalu dilaksanakan dengan kerjasama KK Event House Sdn Bhd.

“Sepanjang program dilaksanakan, pelajar diberi pendekahan secara nyata berkaitan pengurusan acara karnival dan jualan yang sebenar dalam pelbagai keadaan.

“Beberapa penceramah dijemput untuk menyampaikan sesi perkongsian dan taklimat kepada peserta yang bertujuan memberi gambaran yang jelas dan juga perkongsian umum kepada peserta.



DR SOON

“Secara keseluruhannya boleh dikatakan program ini memberikan impak yang positif di kalangan peserta yang telah mengatakan hampir keseluruhan slot yang mereka hadiri telah menarik minat dan membangkitkan semangat mereka untuk mencebur ke dalam bidang event management ini,” katanya.

Soon turut berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program itu.

“Saya ingin merakamkan setinggi ucapan khususnya kepada PENJANA KPT-CAP, UMS dan KK Event House Sdn Bhd atas kerjasama dan komitmen yang jitu sehingga terlaksananya Program Pengurusan Acara Karnival dan Jualan ini.

“Diharapkan agar kerjasama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang agar graduan-graduan tempatan mampu bersaing di alam pekerjaan sekali gus mengatasi masalah pengangguran di negara ini,” katanya.

Untuk rekod, PENJANA KPT-CAP merupakan inisiatif kerajaan dalam menangani cabaran kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat wabak COVID-19.